

Media asing putar belit ucapan Dr M

BH 16/7/03

KUALA LUMPUR: Media dan agensi berita asing memutarbelitkan ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika merasmikan Multaqa Ulama Sedunia 2003 di Putrajaya, Khamis lalu, dengan memberi gambaran yang boleh menakutkan masyarakat bukan Islam.

Malah, laporan ucapan Perdana Menteri yang disiarkan sebuah akhbar berbahasa Belanda, *Trouw*, menyamai laporan agensi berita *AFP* dari Kuala Lumpur yang ditulis Hazlin Hassan.

Laporan *AFP* itu bertajuk "Muslims must put fear into hearts of enemies:" disiarkan pada hari sama Dr Mahathir menyampaikan ucapan berkenaan manakala laporan *Trouw* bertajuk "Muslims must pump fear into the hearts of their enemies" disiarkan pada Jumaat lalu, iaitu sehari kemudian.

Laporan *Trouw* dalam bahasa Belanda itu yang diterjemahkan ke bahasa Inggeris oleh seorang usahawari Belanda, Imran de Roode, diemul kepada *Berita Harian*, kelmarin.

Dalam emelnya, Imran yang turut mempunyai perniagaan di Malaysia beralamat di Sungai Nibong, Pulau Pinang, berkata laporan itu boleh menyebabkan rakyat Belanda prejudis terhadap Islam.

"Malah, artikel itu boleh menakutkan rakyat Belanda kepada Malaysia dan agama Islam keseluruhannya," katanya yang turut menjelaskan bahawa laporan itu membuat beberapa penambahan hingga memberi gambaran salah kepada pembaca.

Sebenarnya, Perdana Menteri dalam ucapan perasmian pada multatqa itu menyentuh perkara berkenaan dengan memetik Surah Al-Anfal, ayat 60 yang bermaksud: "Allah juga telah mengingatkan umat Islam bahawa mereka mesti bersedia dari segi pertahanan dalam usaha menakutkan pihak musuh dan mempertahankan ummah." Bagaimanapun, *AFP* dan *Trouw* melaporkan perkara itu di luar konteks.

Dr Mahathir dalam ucapannya juga tidak menyebut perkataan "unjust" (ketidakadilan), tetapi *Trouw* dalam laporannya memetik Perdana Menteri sebagai berkata bahawa "Unjust religious teachings has made them backwards and easy to oppress" (Ajaran Islam yang tidak adil menyebabkan mereka mundur dan mudah ditindas).

Laporan *Trouw* disiarkan dengan tajuk kecil "Daripada editor kami mengenai agama dan falsafah".

Imran yang menyifatkan *Trouw* sebagai salah satu akhbar nasional Belanda yang progresif tetapi satu-satunya yang mempunyai bahagian agama, berkata sebagai warga Belanda, beliau kerap membaca artikel menggelirukan yang disiarkan *Trouw*.